

14 NOV 2000

Czech-lawat

TIMBALAN PERDANA MENTERI CZECH LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Republik Czech yang juga Menteri Kewangan Pavel Mertlik akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Malaysia mulai esok.

Kenyataan Wisma Putra hari ini menyatakan Mertlik akan diiringi oleh Timbalan Menteri Kewangan Czech Ladislav Zelinka, pengarah jabatan Asia Pasifik Kementerian Hal Ehwal Luar Czech Vaclav Hubinger, lapan pegawai kanan dan 15 ahli perniagaan.

Lawatan Mertlik ke Malaysia adalah peringkat kedua tertinggi dari negara itu, selepas lawatan bekas Perdana Menteri negara itu Vaclav Claus pada tahun 1996.

Kenyataan itu menyebut lawatan itu adalah untuk meningkatkan hubungan dua hala, terutamanya dalam bidang ekonomi.

"Kedua-dua negara berharap untuk mencari dan mengenal pasti bidang baru bagi kerjasama, terutamanya dalam bidang pelancongan, budaya dan pendidikan," demikian menurut kenyataan itu.

Semasa lawatannya ke sini, Mertlik akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Rombongan Mertlik akan menghadiri taklimat oleh pegawai kanan Bank Negara dan Perbadanan Kemajuan Multimedia, di samping lawatan ke kilang Proton di Shah Alam dan Menara Berkembar Petronas.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mengadakan jamuan makan malam bagi meraikan Mertlik esok.

Kenyataan itu juga menyebut hubungan kedua-dua negara adalah mesra berikutan komitmen mereka untuk meningkatkan hubungan dua hala.

--BERNAMA

SR ZS RI